



KETUA AUDIT NEGARA

(OFFICE OF THE AUDITOR - GENERAL)

BLOK D2, ARAS 9,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA.

Telefon : 603 - 8886 3300

Fax : 603 - 8888 9701

EMail : ag@audit.gov.my

Ruj. Fail : AUDIT/IP/147/656/3 (40)

Tarikh : 08 MAC 2004
16 MUHARAM 1425H

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri
Ketua-ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan

Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato',

Pekeliling Ketua Audit Negara Bil. 1/2004

- Pengauditan Terhadap Syarikat Kerajaan Dan Syarikat Yang Mendapat Geran, Pinjaman Dan Jaminan Daripada Kerajaan / Agensi Kerajaan

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957, memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada separuh modal saham berbayarnya dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau agensi Kerajaan. Bagaimanapun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan hanya boleh dijalankan jika perintah daripada Yang di Pertuan Agong diperolehi terlebih dahulu.

3. Sehubungan dengan perkara di atas, sukacita saya memaklumkan bahawa Yang di Pertuan Agong telah pun mengeluarkan perintah pada 12 November 2003 kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan. Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 yang berkaitan dengan perkara ini telah diwartakan melalui Warta Kerajaan P.U. (A) 43 bertarikh 29 Januari 2004.

4. Bagi membolehkan Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap syarikat selaras dengan perintah daripada Yang di Pertuan Agong yang tersebut di atas, Jabatan ini berharap Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato' dapat memaklumkan kepada semua syarikat Kerajaan dan syarikat yang menerima geran, pinjaman serta jaminan daripada Kerajaan / agensi Kerajaan supaya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Jabatan ini. Sehubungan ini Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato' juga dipohon untuk meminta syarikat berkenaan supaya mengemukakan salinan penyata kewangan tahunan mereka yang telah diaudit bersama dengan laporan tahunan masing-masing ke Jabatan Audit Negara untuk rujukan. Sebagai permulaan, adalah diharap syarikat berkenaan dapat

mengemukakan penyata kewangan dan laporan tahunan bagi tahun 2001 hingga 2003.

4. Kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato' dalam hal ini amatlah dihargai dan terlebih dahulu diucapkan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”
'Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti

Yang Ikhlas,


(DATUK DR. HADENAN BIN ABDUL JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia

s.k.

Ketua Setiausaha Negara